

18 SEP 1999

Ling-Petisyen

LING JELASKAN KEPADA KABINET MENGENAI PETISYEN

GENTING HIGHLANDS, 18 Sept (Bernama) -- Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata beliau akan menjelaskan kepada Kabinet mengenai pendirian parti berhubung dengan petisyen "Hua Tuan" bagi pilihan raya umum yang disediakan oleh persatuan-persatuan Cina.

"Kami akan memberi taklimat kepada Kabinet minggu depan berhubung dengan petisyen 17 perkara itu," kata beliau kepada pemberita selepas merasmikan kursus pilihan raya MCA bagi pemimpin kebangsaan, negeri dan bahagian di sini hari ini.

Petisyen itu tidak akan memecahbelahkan masyarakat Cina tetapi sebaliknya mencapai kesepakatan mengenai prinsip, kata beliau ketika diminta mengulas nasihat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya rakyat tidak mengenakan tekanan ke atas kerajaan bagi mendapatkan apa yang mereka mahu.

Dr Mahathir membuat kenyataan itu ketika merujuk kepada petisyen yang dirangka oleh Dong Jiao Zong dan diluluskan oleh 1,848 daripada 4,000 pertubuhan amal Cina di negara ini.

"Pihak kami menerima banyak prinsip,...setengah telahpun dilaksanakan seperti ketelusan dan penswastan. Sesetengah ialah prinsip jangka panjang seperti ISA...akan tiba masanya apabila Akta itu tidak lagi relevan," kata beliau.

Mengenai persiapan bagi pilihan raya umum akan datang, Dr Ling berkata jentera pilihan raya parti kini bersedia dan 96 peratus daripada senartai calon telah siap.

"Tetapi saya tidak akan mengumumkannya sekarang. Kami akan mengemukakannya kepada Perdana Menteri apabila tiba masanya," kata Dr Ling yang menyambut hari jadinya ke-56 hari ini dengan memotong kek pada majlis itu.

Beliau berkata latihan tiga hari bagi kira-kira 300 pemimpin membabitkan perbincangan dan ceramah mengenai pelbagai isu oleh para pemimpin parti.

Dr Ling berkata beliau meminta para peserta mengimbas kepada keadaan negara hampir sethauan lalu apabila pasaran saham merudum, kadar faedah meningkat kepada lebih 20 peratus dan perniagaan teruk terjejas.

"Oleh kerana Dr Mahathir mengambil langkah-langkah yang berani, beliau berjaya membawa negara keluar daripada krisis ekonomi paling buruk sejak merdeka," kata beliau.

Dr Ling, bagaimanapun berkata negara belum keluar sepenuhnya daripada krisis dan sebab itulah kerajaan Barisan Nasional (BN) harus dikekalkan dengan majoriti lebih dua pertiga.

Beliau berkata amatlah berbahaya bagi pengundi mendengar hujah DAP bahawa Dr Mahathir harus kekal sebagai Perdana Menteri tetapi menafikan majoriti dua pertiga kepada BN.

Dr Ling juga berkata maklumat balas yang diterima menunjukkan bahawa parti itu mempunyai peluang cerah untuk menang di kawasan-kawasan seperti Petaling Jaya Utara dan Klang.

Ini kerana parti itu sebelumnya berupaya memenangi kerusi-kerusi yang sukar seperti Ipoh, Seremban, Pasir Pinji and Rasah.

Ketika ditanya mengenai dakwaan partui pembangkang bahawa BN akan kehilangan undi orang Melayu pada pilihan raya umum akan datang, Dr Ling berkata beliau percaya orang Melayu akan terus menyokong UMNO.

-- BERNAMA

AR FAZ